



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) W.P. PUTRAJAYA, 2025

Ekonomi W.P. Putrajaya berkembang 4.8 peratus pada 2025, mencecah RM14.4 bilion

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) W.P. PUTRAJAYA, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Peningkatan ekonomi W.P. Putrajaya pada tahun 2025 dicerminkan melalui nilai KDNK sebanyak RM14.4 bilion berbanding RM13.7 bilion pada tahun 2024 dengan pertumbuhan tahunan 4.8 peratus."

Dari aspek komposisi ekonomi W.P. Putrajaya pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan mendominasi dengan menyumbang sebanyak 96.4 peratus kepada nilai KDNK. Ini diikuti oleh sektor Pembinaan yang menyumbang sebanyak 3.5 peratus. Selainnya disumbangkan oleh sektor Pembuatan dan sektor Pertanian.

Pertumbuhan ekonomi W.P. Putrajaya sebanyak 4.8 peratus disokong oleh sektor Perkhidmatan yang mengekalkan pertumbuhan 5.0 peratus seperti tahun sebelumnya dengan nilai ditambah berjumlah RM13.9 bilion. Pertumbuhan positif sektor ini didorong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan yang berkembang 5.2 peratus. Subsektor Kewangan & insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan turut bertumbuh 2.5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, subsektor Perniagaan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan meningkat 6.4 peratus.

Sektor Pembinaan meningkat marginal 0.9 peratus pada tahun 2025 dengan nilai ditambah sebanyak RM496.1 juta. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam Aktiviti pertukangan khas dan Kejuruteraan awam masing-masing meningkat sebanyak 13.9 peratus dan 20.1 peratus.


Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, W.P. Putrajaya merekodkan KDNK per kapita berjumlah RM126,359 melebihi paras nasional (RM59,167). Ini sekali gus meletakkan W.P. Putrajaya di kedudukan kedua tertinggi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Wilayah Persekutuan Putrajaya, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

W.P. PUTRAJAYA GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

W.P Putrajaya's economy expanded by 4.8 per cent in 2025, reaching RM14.4 billion

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **W.P. PUTRAJAYA GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The economic expansion of W.P. Putrajaya in 2025 was reflected in its GDP value of RM14.1 billion compared to RM13.7 billion in 2024, representing an annual growth of 4.8 per cent.

In terms of W.P. Putrajaya's economic composition in 2025, the Services sector emerged as the primary contributor, comprising 96.4 per cent of its GDP. This was followed by the Construction sector, contributing 3.5 per cent. The remainder was accounted for by the Manufacturing sector and Agriculture sector.

The economic growth of 4.8 per cent in W.P Putrajaya was attributed by Services sector which maintained a growth of 5.0 per cent, the same as in the previous year, achieving a value added of RM13.9 billion. The positive performance was driven by the Government services subsector, which edged up by 5.2 per cent. The Finance & insurance, real estate & business services also recorded growth of 2.5 per cent as against the previous year. Meanwhile, the Wholesale and retail trade, food & beverages and accommodation increased by 6.4 per cent.

The Construction sector increased marginally by 0.9 per cent in 2025, achieving a value added of RM496.1 million. The growth was driven by the Specialised construction activities and Civil engineering which increased by 13.9 per cent and 20.1 per cent respectively.


Shifting to the GDP per capita performance, W.P Putrajaya's GDP per capita amounted to RM126,359, surpassing the national level (RM59,167). This placed W.P. Putrajaya in the second highest ranks.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Wilayah Persekutuan Putrajaya's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**